

29 DISEMBER 2017

## Rumah jadi tempat bungkus syabu diserbu



[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]

**Noor Azam menunjukkan wang palsu bernilai lebih RM1.41 juta dalam serbuan di sebuah rumah di Kampung Jijan Tengah, Nilai, kelmarin.**

# Rumah jadi tempat bungkus syabu diserbu

➔ **Polis rampas wang palsu RM1.41 juta, lima individu termasuk dua wanita ditahan**

Oleh **Ifwan Tun Tuah**  
ifwan@bh.com.my

▸ **Seremban**

**P**olis merampas wang palsu dolar Amerika (AS\$) dan ringgit lebih RM1.41 juta selepas menahan lima individu termasuk dua wanita dalam serbuan di sebuah rumah di Kampung Jijan Tengah, Nilai, kelmarin.

Rampasan oleh sepasukan

anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik itu membabitkan 3,464 keping AS\$100 dan 136 keping RM100.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Noor Azam Jamaludin, berkata operasi khas jam 11 pagi itu susulan maklumat diterima mengenai rumah berkenaan yang menjadi lokasi pengedaran serta penagihan dadah jenis syabu.

### Rampas dadah

"Kami menahan lima berusia 21 hingga 37 tahun termasuk dua wanita dalam rumah itu serta merampas dadah dipercayai jenis syabu dianggarkan seberat 10.91 gram bernilai RM1,300.

"Pemeriksaan ke atas sebuah beg kemudian menemui wang kertas AS\$346,400 (RM1.4 juta) dan wang kertas RM100 yang berjumlah RM13,600 yang semuanya palsu," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat

**Kami menahan lima berusia 21 hingga 37 tahun termasuk dua wanita dalam rumah itu serta merampas dadah dipercayai jenis syabu dianggarkan seberat 10.91 gram bernilai RM1,300"**

**Noor Azam Jamaludin,**  
Ketua Polis Negeri Sembilan

Polis Kontinjen Negeri Sembilan di sini, semalam.

Noor Azam berkata, siasatan mendapati rumah itu yang didiami suspek utama dan tuangnya, dijadikan tempat pembungkusan dadah sebelum diedarkan kepada rangkaian pengedar lain untuk dijual di sekitar Nilai sejak empat tahun lalu.

### Suspek dakwa wang milik rakan

Katanya, suspek menafikan terabit dalam kegiatan penghantaran wang palsu, sebaliknya mendakwa wang itu milik rakan yang masih bebas.

Semua suspek yang positif dadah, direman sehingga Ahad ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 39A(1) serta Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 selain Seksyen 489C Kanun Keseksaan kerana jenayah membabitkan wang palsu.